



**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA  
9 REJAB 1439H/ 27 MAC 2018**

---

**IMIGRESEN TIDAK IKTIRAF BANCIAN DAN KAD KEBAJIKAN WARGA ASING  
SELAIN i-KAD**

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menerima maklumat berhubung kegiatan beberapa NGO yang membuat program bancian warga asing dan kegiatan mendaftarkan kad-kad kebajikan kepada warga asing.

Kegiatan ini bertambah aktif sejak kebelakangan ini dan JIM turut menerima aduan dari majikan dan orang ramai yang merasakan di tipu oleh agen-agen NGO yang melakukan kegiatan mendaftar kad kebajikan dengan mengenakan jumlah bayaran tertentu namun fungsi kad tersebut tidak seperti yang dijanjikan.

JIM mengingatkan majikan dan orang ramai bahawa hanya i-kad yang tulen dan dikeluarkan oleh JIM sahaja yang diiktiraf. JIM tidak memperakui dan tidak mengiktiraf sebarang kad kebajikan, kad imigran, dan lain-lain kad selain i-kad yang dikeluarkan JIM.

Sehingga kini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan JIM tidak pernah mengeluarkan arahan mahu pun melantik mana-mana syarikat untuk menguruskan bancian warga asing dan menguruskan kebajikan PATI yang berada di Malaysia. Sehubungan itu, ingin dijelaskan di sini bahawa Seksyen 56(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 ada memperuntukkan kesalahan individu yang didapati melindungi PATI di Malaysia dimana pesalah bagi perkara ini boleh dikenakan denda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit (RM10,000) bagi setiap PATI yang dilindungi atau penjara tidak kurang 6 bulan dan tidak melebihi 5 tahun serta boleh dikenakan sebatan.

Orang ramai juga di ingatkan supaya tidak membuat sebarang bentuk pembayaran kepada mana-mana pihak yang mendakwa membuat program bancian atau mendaftarkan kad kebajikan. Sebarang kutipan wang bagi tujuan pengeluaran pas secara tidak teratur boleh dikenakan tindakan undang-undang.

i-kad telah diwartakan pada 22 Februari 2018 dan dengan pewartaan ini, i-kad boleh digunakan sebagai satu pengenalan diri yang membuktikan pemegangnya memiliki pas yang sah dikeluarkan oleh JIM selaras dengan Peraturan - Peraturan Imigresen 1963 iaitu Pas Penggajian, Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), Pas Tanggungan, Pas Pelajar, Pas Kerja (Sabah) dan Pas Residen.

i-kad ini telah dinaik taraf dengan format baru dan ciri-ciri keselamatan yang telah dipertingkatkan bagi mengelakkan pemalsuan dan salahguna kad ini. i-kad ini turut dilengkapi dengan cip biometrik versi baharu dan nombor pengenalan diri kekal agar diiktiraf oleh semua agensi penguatkuasaan.

#TAMAT#

**DATO' SERI HAJI MUSTAFAR BIN HAJI ALI  
KETUA PENGARAH IMIGRESEN  
MALAYSIA**